



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI  
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN KULIAH DAN AKTIVITI AKADEMIK  
BERSEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI 2023**

Assalamualaikum wbt dan selamat sejahtera.

Kepada semua pensyarah dan pelajar UMP.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada kelulusan Mesyuarat Senat Ke-207 Bil. 3/2023 bertarikh 23 Mac 2023 berkaitan pelaksanaan kuliah dan aktiviti akademik bersempena Cuti Hari Raya Aidilfitri 2023 pada 22 sehingga 24 April 2023.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti telah bersetuju agar kaedah pelaksanaan kuliah dan aktiviti akademik bermula pada **19 April 2023 sehingga 21 April 2023 adalah dilaksanakan secara dalam talian** bagi memberikan kemudahan kepada pelajar pulang ke kediaman keluarga masing-masing sepanjang tempoh berkenaan untuk menyambut perayaan ini. Sepanjang tempoh ini juga, sebarang aktiviti yang melibatkan **penilaian/penaksiran kepada pelajar adalah tidak digalakkan** untuk dilaksanakan.

3. Kerjasama daripada semua pensyarah dan pelajar dalam mengambil maklum dan tindakan berkaitan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih

**Dikeluarkan oleh  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
28 Mac 2023**